


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KESEDIAAN GURU DALAM PERLAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK
DI SEKOLAH RENDAH : SATU KAJIAN KES

NIK HARTINI BINTI NIK LATIF



PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 APRIL 2010



. NIK HARTINI BINTrNIK LATIF

M20081000001

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin, petunjuk dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini walaupun pelbagai rintangan yang menghalang. Halangan tidak mematahkan semangat saya malah lebih mematangkan saya dalam hal penulisan projek. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan penghargaan dan menyampaikan ucapan terima kasih kepada individu dan pihak tertentu atas sokongan dan sumbangan ikhlas yang telah mereka hulkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Penyelia Utama saya, YM Raja Azuan Nahar bin Raja Adnan kerana telah meluangkan banyak masa dan tenaga dalam membantu saya menjayakan penulisan projek penyelidikan ini. Bimbingan yang diberi oleh beliau dengan sabar dan dedikasi dari permulaan kajian sehingga projek penyelidikan ini diselesaikan amat saya hargai dan sanjungi.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris terutamanya staf perpustakaan yang telah memberikan kerjasama dan menghulurkan bantuan kepada saya sepanjang tempoh kajian. Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Jabatan Pendidikan Daerah Negeri Kedah, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi kebenaran, kerjasama dan sokongan untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang disarankan. Saya juga amat menghargai sokongan dan bantuan daripada guru-guru yang mengajar Pendidikan Muzik di sekolah-sekolah terlibat dengan kajian kerana bersungguh-sungguh melaksanakan pengajaran dan menyempurnakan pelbagai perkara berhubung dengan kajian yang dijalankan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ibu bapa yang tercinta, iaitu Nik Latif Nik Osman dan Hambiah Saad kerana banyak berkorban masa, tenaga serta dorongan yang tidak terhingga serta penguat semangat sepanjang pengajian saya. Terima kasih tidak terhingga kepada kawan-kawan yang banyak membantu saya dalam bentuk apapun amat saya sanjungi serta banyak memberi sokongan serta dorongan kepada saya hingga berjaya.

NIK HARTINI BT NIK LATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

Pendekatan Kemahiran Berfikir penting dalam menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar supaya lebih aktif dan juga dapat membantu pelajar-pelajar berusaha dalam menentukan matlamat mereka sendiri, Masih ramai guru tidak menyedari tentang Kemahiran Berfikir yang digunakan dan sering tidak memberi penumpuan kepada perkembangan daya intelek pelajar. Guru seharusnya bijak menggunakan strategi pengajaran yang lebih menarik dan pelbagai bagi meningkatkan perkembangan mental dan daya berfikir di kalangan pelajar-pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesediaan guru dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Kajian ini juga turut mengkaji sama ada terdapat perbezaan tahap kesediaan pelaksanaan Kemahiran Berfikir berdasarkan pembolehubah-pembolehubah seperti pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. Sampel yang terdiri daripada empat puluh orang guru muzik sekolah rendah dari satu daerah terlibat dalam kajian ini. Responden diminta untuk memberi maklumbalas pada soal selidik yang diedarkan. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesediaan guru-guru dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dari segi pengetahuan dan sikap berdasarkan pengalaman mengajar. Perhubungan yang signifikan pula wujud dalam kesediaan guru dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dari segi kemahiran berdasarkan kelulusan akademik.

ABSTRACTS

Critical thinking approach in providing opportunities for students to be more active and also helps the students work in determining their own goals. Many teachers are not aware of thinking used and often not focused on the intellectual development of students. Teachers should be wise to use teaching strategies that more interesting and different to improve the mental and competitive thinking among students. This study aimed to investigate the implementation of Thinking Skills in Teaching and Learning of Music Education in primary schools in terms of knowledge, skills and attitudes. This study also investigate whether there are differences in the level of readiness of the implementation of thinking based on variables such as teaching experience and academic qualifications. The sample consists of forty primary school music teachers from the districts involved in this study. Respondents are asked to provide feedback on the questionnaire. The results showed there was no significant difference in the willingness of teachers in the implementation of thinking in terms of knowledge and attitudes based on teaching experience. Significant relationship also exists in the availability of teachers in the implementation of thinking in terms of skills based on academic qualifications.

KANDUNGAN

halaman

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

ix

BAB I PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Tujuan Kajian	11
	1.3.1 Objektif Kajian	11
	1.3.2 Soalan Kajian	12
	1.3.3 Hipotesis Kajian	14
1.4	Kepentingan Kajian	15
1.5	Batasan Kajian	17
1.6	Definisi Istilah	17
	1.6.1 Kemahiran Berfikir	18
	1.6.2 Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif	20
	1.6.3 Pengajaran	21
	1.6.4 Sikap	22
	1.6.5 Kemahiran	22
	1.6.6 Pengetahuan	22
1.7	Rumusan	23

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	24
2.2	Literatur Berkaitan	24
2.2.1	Konsep Pemikiran	25
2.2.2	Pemikiran Kritis	27
2.2.3	Pemikiran Kreatif	29
2.2.4	Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Terhadap Pengajaran	31
2.3	Model Pemikiran	33
2.3.1	Model Pemikiran Robertz Swartz dan Sandra Parks	33
2.3.2	Model FILTS	34
2.3.3	Model Pemikiran Edward deBono	36
2.3.4	Model Pemikiran Kritis dan Kreatif Kementerian Pendidikan	38
2.4	Kajian Lepas Yang Berkaitan	39
2.5	Rumusan	43

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	46
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	46
3.4	Alat Kajian	47
3.4.1	Pembinaan Alat Kajian	47
3.4.2	Temubual	49
3.4.3	Pemerhatian	49
3.4.4	Pembolehubah Kajian	50
3.4.5	Kajian Rintis	50
3.5	Tatacara Pemerolehan Data	52
3.6	Tatacara Penganalisan Data	53
3.7	Rumusan	55

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	56
4.2	Profil Sampel Kajian	56
4.2.1	Profil Responden Mengikut Jantina	57
4.2.2	Profil Responden Mengikut Pengalaman	57
4.2.3	Profil Responden Mengikut Kelayakan Akademik	58
4.3	Analisis Deskriptif	58
4.4	Analisis Inferens	59
.5	Rumusan	64

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	67
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	68
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	74
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.5	Rumusan	79

RUJUKAN	82	
LAMPIRAN	86	
A	Latar Belakang Guru	87
B	Pengetahuan Guru Terhadap Pengajaran KBKK	88
C	Kemahiran Dalam Pengajaran KBKK	89
D	Sikap Guru Terhadap KBKK	91

SENARAIJADUAL

No. Jadual	halaman
2.1 Unsur-unsur Model Pemikiran Kritis Dan Kreatif KPM	38
3.1 Dapatan Cronbach Alpha Bagi Instrumen Kajian	51
4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	57
4.2 Taburan Responden Mengikut Pengalaman	57
4.3 Taburan Responden Mengilmt Kelayakan Akademik	58
4.4 Min, Median, Mod Dan Sisihan Piawai Pembolehubah Kajian	59
4.5 Dapatan Ujian-t Bagi Perbezaan Kesediaan Pengajaran KB Berdasarkan Pengalaman.	61
4.6 Dapatan Ujian-t Bagi Perbezaan Kesediaan Pengajaran KB Berdasarkan Kelayakan Akademik	63

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem pendidikan kita bertanggungjawab menyediakan generasi akan datang bagi memenuhi Wawasan 2020 dan Falsafah Pendidikan Negara. Sistem pendidikan kita perlu ada daya saing dalam menghadapi arus globalisasi dalam abad yang ke 21. Pemikiran baru dalam pendidikan, perkembangan teknologi dan ledakan maklumat memaksa para pendidik mengubah proses pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan era terkini. Perancangan kurikulum pada abad ke 21 mestilah bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat dan profil warganegara Malaysia yang maju dan bertamadun. Pendidikan pada abad ke 21 menuntut para guru supaya mampu menguasai pelbagai kemahiran berfikir, kemahiran generik, kemahiran belajar, pembelajaran koperatif dan konstruktivisme (Abu Bakar Bachik, 1999)

Bagi merealisasikan Wawasan 2020, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sewaktu melancarkan Wawasan 2020 pada 20 Februari 1991 telah berkata:

".....Apa yang penting kepada kita semua ialah apa yang berada antara dua telinga, the brain power atau kuasa otak; bukan yang berada antara dua bahu, the brawn power atau kuasa otot: atau apa yang berada antara dua tapak kaki, the natural resources atau semulajadi. "

Falsafah Pendidikan Kebangsaan ada menyebut kepentingan pendidikan untuk mengembangkan daya fikir. Unsur penting kurikulum bertujuan supaya dapat membina intelek dan mengembangkan daya pemikiran untuk menghuraikan, mencerakin, menaakul, merumuskan dan menghasilkan idea-idea yang bernas". (Kementerian Pendidikan Malaysia ,1992)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, (1996) memberi banyak tumpuan kepada pembentukan insan yang seimbang, bersepadu dan hartnonis. Falsafah Pendidikan Negara menyatakan:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi danjasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha

ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. "

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1996)

Kesedaran tentang perlunya pelajar menguasai Kemahiran Berfikir bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang telah mendorong Bahagian Pendidikan Guru memperkenalkan pendekatan penyebatan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran. Penguasaan Kemahiran Berfikir mula diperkenalkan dalam Kursus Perguruan Asas sejak Jun 1993.

Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993) berpendapat bahawa guru perlu menukar pendekatan pengajaran dan pembelajaran daripada berfokuskan guru kepada berfokuskan pelajar. Oleh itu pembelajaran yang bersifat aktif hendaklah diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya selaras dengan penerapan Kemahiran Berfikir dalam kurikulum sekolah. Seluruh proses pengajaran pembelajaran seharusnya menggalakkan pelajar berfikir. Warga pendidik merupakan tunjang dan pelaksanaan yang paling utama untuk menjayakan reformasi pendidikan.

Mulai tahun 1990, Pusat Perkembangan Kurikulum memberi penumpuan kepada cara dan gaya berfikir seseorang dan hubungannnya dengan pembelajaran. Pada tahun 1993, Kemahiran Berfikir didedahkan kepada guru-guru pelatih di seluruh maktab perguruan yang sekarang lebih dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru. Perkembangan dan kesedaran terhadap kepentingan Kemahiran Berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak jabatan pendidikan.

Matlamat Malaysia untuk membina sebuah masyarakat yang maju menjelang abad ke 21 memerlukan perubahan paradigma pemikiran masyarakat untuk lebih berkeyakinan diri. Pendidikan perlu dipertingkatkan untuk merevolusimentalkan masyarakat supaya dapat membina pemikiran yang positif.

"Perubahan pemikiran ini memerlukan pendedahan kepada pemikiran moden yang bersifat saintifik, kritis, analitikal, kreatif, divergen dan lebih terbuka".

(Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999)

Menyedari pentingnya Kemahiran Berfikir, maka pada tahun 1993, Kemahiran Berfikir mula diterapkan dalam sistem pendidikan kita. Sukatan pelajaran kursus perguruan telah ditambah dengan memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir merentasi kurikulum. Pendedahan ini dibuat pada semua pensyarah maktab dan sekarang telah dikenali sebagai institut, kepada guru-guru

sekolah menengah dan rendah secara berperingkat-peringkat. Kurikulum yang berkesan mempunyai pengaruh untuk membina dan mengembangkan kuasa berfikir dengan menekankan proses penyebatan Kemahiran Berfikir dalam isi kandungan sesuatu mata pelajaran. Aktiviti pembelajaran ini dipelbagaikan pendekatan dan strategi berfikir akan merangsangkan pemikiran pelajar, mencabar kebolehan dan Kemahiran Berfikir serta dapat mengukuhkan daya fikiran mereka.

"Kurikulum yang mempamerkan unsur-unsur dinamis ke arah mengembangkan Kemahiran Berfikir mempunyai tendensi yang tinggi bagi mencorakkan pemikiran kreatif pelajar, Unsur-unsur kreativiti yang tinggi dalam penyampaian isi pelajaran menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan".

(Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999)

Pelajar perlu dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik untuk mengembangkan pemikiran mereka. Aktiviti pembelajaran Pendidikan Muzik yang mencabar kebolehan minda pelajar, merupakan asas yang penting untuk membina dan merangsangkan pelajar berfikir. Dari semasa ke semasa guru muzik ini harus merancang aktiviti pembelajaran pelajar dengan mendedahkan mereka kepada pelbagai teknik dan strategi berfikir.

Dalam pemerhatian ketika membuat pemantauan, bahawa kegagalan pelajar mengembangkan Kemahiran Berfikir dalam pelajaran mereka disebabkan:

- Pengajaran lebih mementingkan corak hafalan, kurang menekankan proses teknik dan strategi berfikir yang berkesan.
- Proses pengajaran dan pembelajaran bersifat *reproduction* iaitu mengeluarkan apa-apa yang dipelajari tanpa menggalakkan pelajar berfikir.
- Pembelajaran juga kurang menekankan kepada pembinaan Kemahiran Berfikir aras tinggi yang boleh mencabar kecekapan intelektual pelajar.
- Kuasa berfikir amat lemah dalam pembelajaran.
- Kebanyakan guru muzik kurang pengetahuan dan kurang kebolehan melaksanakan penyebatian Kemahiran Berfikir dalam mata pelajaran yang diajar.

Aktiviti berfikir adalah perlu bagi manusia. Melalui latihan dan penggunaan kaedah Kemahiran Berfikir seseorang individu dapat meningkatkan kebolehan berfikir. Alat-alat fikir merupakan alat yang dapat membantu pelajar menggunakan minda secara bijak dan berkesan. Alat ini akan menjadikan pemikiran lebih tersusun dan jelas lantas mengelakkan seseorang daripada terburu-buru melakukan sesuatu.

Kuasa berfikir perlu ditingkatkan dengan mendedahkan pelajar kepada pelbagai aktiviti muzik yang mencabar kebolehan intelektual, emosi dan perkembangan sosial. Pendekatan penyebatian yang bertujuan membina kekuatan pemikiran emosi dan sosial perlu diberi keutamaan dalam semua aspek Pendidikan

Muzik. Kebolehan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah perlu menjadi agenda penting dalam Pendidikan Muzik bagi menyediakan pelajar berkebolehan dan mempunyai daya ketahanan diri dalam menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran mental, emosi dan sosial abad ke 21.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Isu Kemahiran Berfikir telah banyak diperkatakan dan dibahaskan terutama oleh para pendidik dan tokoh-tokoh pendidikan. Berdasarkan pandangan kenyataan dan idea yang dibangkitkan melalui penulisan dan ucapan ternyata Kemahiran Berfikir menjadi fokus utama dalam pendidikan negara masa ini.

Antara persoalan yang sering ditimbulkan berkaitan dengan isu ini ialah bagaimanakah Kemahiran Berfikir boleh diterapkan kepada pelajar dalam Pendidikan Muzik? Penggerak utama dalam melahirkan insan yang berdaya fikir ialah guru-guru muzik . Persoalannya sekarang bagaimanakah guru-guru muzik melaksanakan hasrat ini? Berdasarkan perbincangan dan perbahasan oleh para pendidik dan tokoh-tokoh pendidikan, mereka berpendapat ramai pelajar yang cemerlang di dalam akademik tetapi tidak mempunyai kemampuan berfikir. Pemupukan Kemahiran Berfikir pada peringkat sekolah rendah dirasai sangat penting dalam konteks era pembangunan masa kini. Namun tidak ramai guru-guru muzik memberi perhatian kepada perkembangan Kemahiran Berfikir dalam bilik darjah.

Dengan menguasai Kemahiran Berfikir diharapkan kualiti pemikiran pelajar, keupayaan memperolehi ilmu dalam Pendidikan Muzik dan menguasai kemahiran pelajar dapat dipertingkatkan.

Memandang pentingnya penerapan unsur ini, pelaksanaan yang sempurna dan berkesan perlu dipastikan khususnya pada peringkat sekolah rendah lagi. Pelajar juga harus didedahkan dengan Kemahiran Berfikir secara meluas bagi menyediakan mereka untuk menghadapi peperiksaan yang sudah bertukar corak seperti yang dinyatakan oleh Dr. Wan Zahid Mohammad Nordin bekas Pengarah Pendidikan Malaysia yang berbunyi:

" Several critical thinking questions were posed in the Sijil Pelajaran Malaysia's History paper last year. The modification of the exam question is in line with the purpose of education which aims to train students to think and not just to reproduce all they have memorised".

(Poh Swee Hiang, Leanne Goh dan Tan Wai Fong dalam, 1997)

Datuk Wahid Zainal menegaskan bahawa soalan peperiksaan begini akan dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2000. Katanya lagi:-

" We are testing their thinking skills reasoning power, creativity, ability to put together an answer and how to argue ".

Soalan peperiksaan sekarang ini telah dapat menilai Kemahiran Berfikir pelajar, kemampuan menyatakan sebab, kreativiti, kebolehan memberi jawapan dan memberi hujah. Tetapi adakah pelajar-pelajar kita mampu untuk berfikir? Demi memenuhi keperluan ini. Kemahiran Berfikir mestilah didedahkan seluas mungkin kepada pelajar-pelajar pada peringkat awal persekolahan lagi,

Unsur Kemahiran Berfikir sebenarnya boleh dan akan dikuasai oleh pelajar melalui proses latihan yang berterusan. Oleh itu Kemahiran Berfikir perlu diajar kepada pelajar-pelajar di sekolah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Namun sejauh manakah guru-guru muzik ini melaksanakan tugas ini. Bagaimanakah penyebatan Kemahiran Berfikir dijalankan oleh guru-guru muzik? Kajian ini cuba menyingkap kemampuan guru-guru muzik di sekolah dalam menyebatkan unsur Kemahiran Berfikir semasa pengajaran.

Sesuatu perubahan dan inovasi dalam pendidikan akan menyebabkan guru merasa kewibawaan profesional mereka tercabar dan sukar diterima. Mereka telah mengamalkan satu gaya pengajaran dan pengendalian tersendiri dan mendapati amat sukar apabila diminta mengubah dan menyesuaikan gaya mereka dengan kehendak inovasi yang diperkenalkan. Mereka hanya akan menggunakan amalan pendidikan yang dicadangkan sekiranya mereka berasa amalan yang dicadangkan itu penting. (Sparks 1988).

Pendekatan Kemahiran Berfikir penting dalam menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar supaya lebih aktif dan juga dapat membantu pelajar-pelajar berusaha dalam menentukan matlamat mereka sendiri. Justeru ini, guru sebagai tenaga utama dalam proses pendidikan di sekolah telah diamanahkan untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita negara. Guru berperanan dalam membina dan membentuk minda generasi muda supaya mempunyai ketahanan mental dan mempunyai daya fikir menjelang tahun 2020. Hampir seluruh intipati Wawasan 2020 memerlukan golongan guru berjuang habis-habisan bagi melahirkan generasi baru yang cemerlang dalam pelbagai lapangan.

Masih ramai guru tidak menyedari tentang Kemahiran Berfikir yang digunakan dan sering tidak memberi penumpuan kepada perkembangan daya intelek pelajar. Guru seharusnya bijak menggunakan strategi pengajaran yang lebih menarik dan pelbagai bagi meningkatkan perkembangan mental dan daya berfikir di kalangan pelajar-pelajar. Justeru itu, mampukah guru-guru melaksanakan Kemahiran Berfikir melalui kurikulum dan amalan di dalam kelas serta menyebatkan pengajaran Kemahiran Berfikir dalam mata pelajaran Pendidikan Muzik sedangkan guru-guru sendiri tidak mempunyai cukup pengetahuan dan kemahiran terhadap pengajaran Kemahiran Berfikir?

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik di sekolah rendah sekitar Daerah Kuala Muda / Yan, Sungai Petani, Kedah Darul Aman .

1 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kesediaan guru-guru muzik terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah sekitar Daerah Kuala Muda / Yan, Sungai Petani, Kedah Darul Aman dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap,

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenalpasti:-

sama ada wujud perbezaan terhadap kesediaan guru-guru muzik dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik berdasarkan pengalaman mengajar dari segi:

- a) pengetahuan
- b) kemahiran
- c) sikap

2.0 sama ada wujud perbezaan terhadap kesediaan guru-guru muzik dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik berdasarkan kelulusan akademik dari segi:

- a) pengetahuan
- b) kemahiran
- c) sikap

1.3.2 Soalan Kajian

- a) Apakah tahap kesediaan guru-guru muzik dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik ?
- b) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru muzik yang berpengalaman dengan guru muzik yang tidak berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi pengetahuan?
- c) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru muzik yang berpengalaman dengan guru muzik yang tidak berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi kemahiran?

- d) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru muzik yang berpengalaman dengan guru muzik yang tidak berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi sikap?
- e) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi pengetahuan?
- f) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi kemahiran?
- g) Adakah wujud perbezaan tahap kesediaan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik dari segi dan sikap?

Hipotesis Kajian

Pengkaji telah membina hipotesis bagi mengetahui tahap kesediaan guru-guru muzik dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Hipotesis juga dibina bagi mengetahui samada wujud perbezaan terhadap guru-guru muzik berdasarkan pengalaman mengajar dan kelayakan akademik seperti yang dinyatakan dalam persoalan kajian, seperti berikut:-

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru muzik yang kurang berpengalaman dengan guru-guru yang berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi pengetahuan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru muzik yang kurang berpengalaman dengan guru-guru yang berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi kemahiran.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru muzik yang kurang berpengalaman dengan guru-guru yang berpengalaman terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi sikap.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi pengetahuan.

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi kemahiran.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru-guru siswazah dengan guru-guru bukan siswazah terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah dari segi sikap.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu kepada pihak Kementerian Pendidikan, Guru Besar dan juga guru-guru sekolah rendah. Keputusan kajian ini diharap dapat memberi gambaran kepada Kementerian Pelajaran tentang sejauh mana pelaksanaan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah. Kementerian Pelajaran diharap dapat merancang tindakan susulan bagi menjamin pelaksanaan Kemahiran